

Tarikh : (Dirakamkan pada hari Jumaat, 23 April , 04 - 10 Pagi) - 26.04.04

PRASANGKA – PENYEKSA DIRI DAN PENGHAKIS KASIH

Assalamualaikum wbt.,

Tuan2 puan2 sidang pendengar peminat setia RMPP yang saya hormati sekalian. Tajuk bicara kita pada pagi bertuah dan pada pagi yang insyaallah akan dilimpahi rahmat ini, ialah Prasangka – Penyeksa Diri dan Penghakis Kasih. Sebelum kita bercakap dengan panjang lebar mengenai tajuk ini dan fahami maksudnya, mai kita tinjau maksud perkataan-perkataan yang berkaitan.

Tuan2, puan2 adik kakak yang saya hormati. Perkataan prasangka membawa maksud sangkaan awal yang negatif. Sangkaan buruk. Mempunyai sangkaan yang tidak baik terhadap sesuatu atau seseorang. Untuk menjadi manusia yang berfungsi, kita tidak sepatutnya bersifat prasangka. Manusia berfungsi adalah manusia yang boleh berperanan sebagai penggerak kemajuan. Manusia yang berfikiran positif dan proaktif. Penyeksa Diri pula adalah merupakan satu sifat negatif yang menyebabkan diri menjadi tidak tenteram. Rimas dan sentiasa terasa seolah-olah ada saja sesuatu yang tidak kena di persekitaran. Secara sedar, tidak ada siapa yang mahu menjadi penyeksa. Penghakis kasih, adalah satu tindakan yang merugikan. Satu tindakan menghilangkan rasa sayang yang amat sangat terhadap seseorang. Satu tindakan yang berlaku secara tidak disedari dan berterusan. Jadi, ungkapan Prasangka – Penyeksa Diri dan Penghakis Kasih, membawa maksud; perasaan prasangka yang wujud dalam diri seseorang itu tidak akan mendatangkan sebarang kebaikan, selain dari rasa resah, gelisah dan rasa tidak tenteram dalam diri sendiri. Keadaan ini menyebabkan orang yang berkenaan sentiasa berada di dalam keadaan cemas dan tertekan. Situasi ini menyebabkan mereka yang berprasangka sentiasa tidak dapat bertindak secara rasional; tanpa disedarinya, dan tingkah laku tersebut seterusnya bertindak sebagai penghakis rasa kasih yang telah terbina selama ini di antara beliau dengan mereka yang beliau kasih. Saudara saudari yang saya hormati sekalian. Dalam hidup ini, apabila hubungan di antara seorang dengan seorang yang lain mula terjalin, maka rasa kasih di antara mereka akan mula berputik. Ini adalah sesuatu yang normal dalam proses hidup. Rasa kasih yang dimaksudkan akan tumbuh mengikut keadaan; ia menjadi pengikat di antara kawan, saudara mara atau adik beradik dalam sesuatu keluarga. Ia menjadi pengikat di antara suami dan isteri, di antara anak dengan ibu. Anak dengan ayah. Malah ianya juga wujud dan menjadi pengikat di antara jiran tetangga dan anggota masyarakat secara keseluruhannya. Oleh itu, apabila seseorang mula menyimpan sifat prasangka terhadap orang yang penting dalam hidupnya, maka sifat itu pasti akan dirasai dan dikesan oleh orang yang berkenaan dan kesannya adalah amat menjahanamkan. Orang yang berkenaan; orang yang pernah dikasih itu akan terasa kecewa, sedih dan jauh hati terhadap mereka yang punya sifat prasangka terhadap dirinya. Beliau akan terasa bahawa kesetiaan dan kejujurannya selama ini dipertikai. Jika orang yang berkenaan itu ibu, bapa atau suami atau isteri atau mereka yang punya hubungan darah, maka kesannya lebih parah. Lebih pilu. Ingat! Perasaan yang tergoris, yang luka amat susah untuk disembuhkan dan dikembalikan seperti sedia kala.

Tuan2 puan2 adik kakak sidang pendengar sekalian. Demi memelihara suasana dalam keluarga dan masyarakat, pastikan yang anda bukan di kalangan mereka yang mudah berprasangka terhadap orang yang pernah anda kasihi. Jika anda terasa ada sesuatu yang tidak kena terhadap mereka yang ada hubungan dengan anda, siasat habis-habis. Elak dari bertindak melulu kerana tindakan yang melulu selalunya mengundang kecelakaan. Tindakan yang melulu tidak pernah membahagiakan sesiapa. Apa yang pasti, tindakan melulu akan menyebabkan orang lain.... Orang yang berkenaan menjadi serba salah, keliru dan jika ia sentiasa dihipit dengan perasaan yang sedemikian maka hipitan itu sudah pasti akan berperanan sebagai penghakis rasa sayang, rasa kasih yang telah terbina selama ini. Ingat! Anda adalah teman yang berperanan merangsang mereka yang menjadi orang penting di sekeliling anda. Anda penggerak dan penggalak kejayaan. Segala tindakan anda yang bersangka baik, adalah pendorong bagi segala usaha mereka demi faedah bersama. Jadikan suasana di rumah anda firdaus yang berpanjangan. Selamat meneruskan perjalanan hidup. Selamat bertindak mengikat kasih. Hingga bersama lagi....wassalamualaikum.